

Soalan Lazim / Frequently Asked Questions (FAQs)

Perkara : FAQ – Liberalisasi Tarif takaful / insurans Kenderaan

Pemilik Proses : Operasi, Takaful Am

Jabatan : Pengunderaitan Motor

Tarikh : 25/4/2017

Kawalan Versi : 2.1

| KUMPULAN SASARAN : <i>Peserta/Wakil/Umum</i> | |
|--|--|
| Soalan | Jawapan |
| 1. Apakah yang dimaksudkan dengan tarif takaful / insurans? | <i>Tarif merujuk kepada kadar dan had perlindungan takaful / insurans yang ditetapkan oleh badan yang mengawal-selia kadar sumbangan / premium yang dikenakan oleh pengendali takaful / insurans kepada para pelanggan dan pemegang sijil.</i> |
| 2. Apakah maksud liberalisasi tarif takaful / insurans kenderaan? | <i>Liberalisasi tarif bermakna melonggarkan struktur tarif yang sedia-ada dan memberi kebebasan kepada pengendali takaful / insurans untuk menggunakan mekanisme tersendiri dalam menetapkan sumbangan takaful / premium yang dikenakan, serta tahap perlindungan kepada para pelanggan dan pemegang sijil.</i> <i>Ini bermakna, pengendali takaful / insurans tidak lagi terikat dengan tarif yang ditetapkan. Sebaliknya pengendali takaful / insurans boleh mengenakan sumbangan takaful / premium yang sesuai dengan tahap risiko para peserta,</i> |
| 3. Mengapa tarif perlu diliberalisasikan? | <i>Tarif perlu diliberalisasikan untuk memberi ruang kepada pengendali takaful / insurans untuk bersaing secara sihat dalam penentuan kadar sumbangan takaful / premium yang dikenakan kepada pemegang sijil.</i> <i>Pengendali takaful / insurans akan melaksanakan tahap perlindungan dan kadar sumbangan takaful / premium yang berpatutan dan lebih menepati keperluan para peserta berdasarkan tahap risiko masing-masing.</i> |

Soalan Lazim / Frequently Asked Questions (FAQs)

| KUMPULAN SASARAN : <i>Peserta/Wakil/Umum</i> | |
|--|---|
| Soalan | Jawapan |
| <p>4. <i>Bilakah pelaksanaan liberalisasi tarif takaful / insurans kenderaan ini mula berkuatkuasa?</i></p> | <p><i>Fasa 1 Liberalisasi Tarif Motor dan Tarif Kebakaran telah diperkenalkan pada 1 Julai 2016. Semasa fasa permulaan ini, penanggung insurans dan pengendali takaful diberikan fleksibiliti untuk menawarkan produk baharu motor dan perlindungan tambahan yang tidak ditetapkan di bawah tarif yang sedia ada.</i></p> <p><i>Mulai 1 Julai 2017, liberalisasi kadar premium produk Motor Komprehensif; dan produk Motor Pihak Ketiga Kebakaran dan Kecurian akan dilaksanakan dan penetapan harga premium akan ditentukan oleh penanggung insurans dan pengendali takaful masing-masing.</i></p> <p><i>Walau bagaimanapun, kadar premium produk Motor Pihak Ketiga akan terus tertakluk pada kadar tarif.</i></p> |
| <p>5. <i>Apakah perkara ini (liberalisasi tarif) dilaksanakan juga oleh Syarikat Pengendali Takaful / insurans yang lain?</i></p> | <p><i>Ya. Semua pengendali takaful / insurans boleh melaksanakan liberalisasi tariff ini.</i></p> |
| <p>6. <i>Apa kesan pelaksanaannya kepada kami pihak pengguna/pelanggan?</i></p> | <p><i>Anda, sebagai pelanggan, akan mendapat lebih manfaat seperti berikut:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ <i>Lebih banyak pilihan produk dan saluran dengan kadar sumbangan dan tahap perkhidmatan yang lebih kompetitif.yang bersesuaian dengan citarasa anda;</i> ▪ <i>Anda boleh memilih tahap perlindungan atau menyertai pelan tambahan mengikut keperluan anda;</i> ▪ <i>Pendedahan yang lebih baik mengenai ciri-ciri produk, had perlindungan, kadar sumbangan untuk memudahkan anda membuat pilihan;</i> ▪ <i>Pelaksanaan kadar sumbangan yang bersesuaian dengan kadar risiko anda;</i> <p style="margin-left: 40px;"><i>○ Anda yang mempunyai kadar risiko lebih rendah akan dikenakan kadar sumbangan yang lebih kompetitif;</i></p> |

Soalan Lazim / Frequently Asked Questions (FAQs)

| KUMPULAN SASARAN : <i>Peserta/Wakil/Umum</i> | |
|--|--|
| Soalan | Jawapan |
| | <ul style="list-style-type: none"> ○ <i>Anda yang memiliki kadar risiko yang lebih tinggi akan mempunyai insentif untuk mengambil inisiatif sewajarnya untuk mengurangkan risiko tersebut untuk kadar yang lebih baik pada masa depan.</i> |
| <p>7. <i>Apakah perbezaan antara cara pengiraan tarif takaful / insurans kenderaan sekarang dengan yang baharu ini?</i></p> | <p><i>Pengiraan tarif yang diguna-pakai sehingga kini adalah berdasarkan kadar yang dikawal-selia oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Hasilnya, cara pengiraan bayaran sumbangan / premium adalah hampir sama antara satu pengendali takaful / insurans dengan yang lain.</i></p> <p><i>Dengan pelaksanaan liberalisasi tarif kenderaan ini, setiap pengendali takaful / insurans diberikan kebebasan dalam menentukan sendiri cara pengiraan bayaran sumbangan / premium.</i></p> |
| <p>8. <i>Bagaimanakah cara pengiraan sumbangan/premium sedia ada?</i></p> | <p><i>Selain daripada struktur tarif yang ditetapkan, antara faktor utama yang diambil-kira dalam menentukan pengiraan sumbangan / premium sedia-ada adalah berdasarkan:</i></p> <ol style="list-style-type: none"> <i>1. Harga pasaran kenderaan</i> <i>2. Isipadu enjin kenderaan (cc)</i> |
| <p>9. <i>Bagaimanakah pelaksanaan liberalisasi tarif boleh mengubah cara pengiraan sumbangan/premium?</i></p> | <p><i>Sumbangan / premium adalah berbeza mengikut risiko setiap pemandu.</i></p> <p><i>Sebagai contoh, sekiranya anda seorang pemandu yang tidak mempunyai rekod tuntutan dan sudah memandu dalam tempoh yang lebih lama, sumbangan / premium yang dikenakan adalah lebih rendah kerana kategori risiko anda lebih rendah.</i></p> <p><i>Manakala, bagi pemandu yang baru memandu dan pernah membuat tuntutan kerana kemalangan, sumbangan / premium yang dikenakan adalah lebih tinggi, berdasarkan kategori risiko yang lebih tinggi.</i></p> <p><i>Oleh itu, kadar sumbangan / premium yang bakal dikenakan adalah lebih telus dan berpadanan dengan kategori risiko dan tahap perlindungan yang dipilih.</i></p> |

Soalan Lazim / Frequently Asked Questions (FAQs)

KUMPULAN SASARAN : *Peserta/Wakil/Umum*

| | Soalan | Jawapan |
|-----|---|---|
| 10. | <i>Bagaimanakah cara baru pengiraan sumbangan/premium secara ringkas?</i> | <p><i>Secara mudahnya, kadar sumbangan / premium adalah berdasarkan kepada kategori risiko setiap peserta.</i></p> <p><i>Sekiranya anda dikategorikan sebagai berisiko rendah, maka sumbangan / premium anda adalah lebih rendah, dan begitulah sebaliknya.</i></p> <p><i>Kategori risiko dikira berdasarkan umur dan pengalaman pemandu, jenis dan model kenderaan, serta rekod tuntutan pemandu. Faktor-faktor lain seperti tempat tinggal dan taraf pendidikan juga mungkin diambil-kira.</i></p> |
| 11. | <i>Bagaimana pula cara pengiraan sumbangan/premium secara terperinci selepas liberalisasi tarif takaful / insurans kenderaan dilaksanakan?</i> | <p><i>Mulai 1 Julai 2017, dalam persekitaran yang liberal, lebih banyak faktor risiko akan diambil kira untuk menentukan premium. Selain nilai diinsuranskan, keupayaan enjin kenderaan, umur kenderaan dan umur pemandu, premium mungkin didorong oleh faktor lain. Faktor-faktor ini mungkin termasuk ciri-ciri keselamatan di dalam kenderaan, tempoh kenderaan itu berada di jalan raya, lokasi geografi kenderaan (dalam kawasan yang mengalami insiden kecurian yang tinggi) dan kesalahan lalu lintas yang pernah dialami. Faktor-faktor ini akan menentukan profil risiko kumpulan pemegang polisi yang akan menentukan premium.</i></p> <p><i>Memandangkan setiap penanggung insurans dan pengendali takaful mempunyai cara yang berbeza-beza dalam menentukan profil risiko kumpulan, harga polisi motor akan berbeza daripada satu penanggung insurans kepada penanggung insurans yang lain.</i></p> |
| 12. | <i>Mengapa saya mendapat sebutharga (quotation) yang berbeza daripada beberapa pengendali takaful / insurans sebelum ini?</i> | <p><i>Terdapat tiga perkara utama yang membuatkan pengendali takaful / insurans mengenakan caj yang berbeza, iaitu tahap perlindungan, sebarang caj tambahan (loading) dan fi pengurusan yang dikenakan.</i></p> |

Soalan Lazim / Frequently Asked Questions (FAQs)

| KUMPULAN SASARAN : <i>Peserta/Wakil/Umum</i> | |
|--|--|
| Soalan | Jawapan |
| 13. <i>Apa yang patut kami (pelanggan) buat?</i> | <i>Pelanggan boleh membandingkan spesifikasi produk, kadar sumbangan / premium dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh pengendali takaful / insurans bagi mendapatkan tawaran yang berpatutan.</i> |
| 14. <i>Adakah pelaksanaan liberalisasi tarif takaful / insurans kenderaan ini baik untuk negara kita?</i> | <i>Ya, liberalisasi ini akan memberi lebih kuasa pembelian (purchasing power) kepada pengguna. Kaedah ini juga telah diguna-pakai oleh negara-negara lain seperti Singapura, USA, UK, Jerman dan China.</i> |
| 15. <i>Bagaimana pula dengan takaful / insurans kebakaran?</i> | <i>Takaful / insurans kebakaran akan terus dikawal-selia mengikut tarif sedia-ada sehingga diberitahu kelak.</i> |
| 16. <i>Adakah ejen saya tahu tentang pelaksanaan liberalisasi tarif takaful / insurans kenderaan ini?</i> | <i>Ya, pihak Syarikat telah menyusun jadual latihan dan sesi penerangan kepada semua tenaga agensi Takaful IKHLAS.</i> |
| 17. <i>Bagaimana pihak Takaful IKHLAS memastikan pelaksanaan menyeluruh liberalisasi tarif takaful / insurans kenderaan ini?</i> | <i>Pihak Syarikat telah menyusun jadual latihan dan sesi penerangan yang lengkap kepada semua warga kerja dan tenaga agensi berhubung pelaksanaan liberalisasi tarif takaful / insurans kenderaan.</i> |
| 18. <i>Sekiranya saya ingin tahu dengan lebih lanjut mengenai liberalisasi tarif takaful / insurans kenderaan, bagaimanakah caranya?</i> | <i>Sila hubungi ejen anda, lawati laman sesawang www.takaful-ikhlas.com.my atau www.eikhlas.com.my, kunjungi cawangan Takaful IKHLAS berdekatan atau hubungi Pusat Panggilan di 03-2723 9696 untuk maklumat lanjut.</i> |
| 19. <i>Selain dari ejen dan Pusat Panggilan Takaful IKHLAS, di mana lagi boleh saya dapatkan maklumat mengenai pelaksanaan liberalisasi tarif takaful / insurans kenderaan ini?</i> | <i>Anda boleh merujuk kepada Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM), Persatuan Takaful Malaysia (MTA) atau BNM di TELELINK: 1-300-88-5465 atau layari www.insuranceinfo.com.my</i> |
| 20. <i>Perluakah saya memaklumkan kepada syarikat Takaful/ Insurans mengenai sebarang perubahan ke atas sijil / polisi saya?</i> | <i>Ya, anda perlu memaklumkan syarikat Takaful / Insuran anda, sekiranya tujuan permohonan perlindungan Takaful kenderaan anda berubah kepada perkara yang tidak berkaitan dengan</i> |

Soalan Lazim / Frequently Asked Questions (FAQs)

| KUMPULAN SASARAN : <i>Peserta/Wakil/Umum</i> | |
|---|---|
| Soalan | Jawapan |
| | <i>perdagangan, perniagaan atau profesion (yang boleh memberi kesan kepada perlindungan tersebut).</i> |
| 21. Maksudnya saya perlu memaklumkan kepada syarikat Takaful / insurans yang perlindungan tersebut adalah bagi tujuan yang lain? | <i>Ya, ini berdasarkan peruntukan dibawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSA) 2013 dibawah perenggan 5 daripada Jadual 9.</i> |
| 22. Bagaimana pula jika tujuan perlindungan Takaful / Insurans bagi kegunaan asal telah berubah kemudiannya? | <i>Anda perlu memaklumkan syarikat Takaful / Insurans sekiranya berlaku pindaan terhadap maklumat terdahulu yang dinyatakan semasa hendak menyertai pelan Takaful / Insurans tersebut.</i> |
| 23. Apa akan jadi sekiranya saya gagal memaklumkan kepada syarikat Takaful / Insurans mengenai sebarang perubahan bagi sijil saya? | <i>Kegagalan memaklumkan sebarang perubahan atau pindaan kepada maklumat terdahulu mungkin boleh mengakibatkan pembatalan kontrak Takaful / Insurans, pengurangan gantirugi atau penamatan kontrak tersebut.</i> |
| 24. Sampai bilakah saya tertakluk kepada keperluan ini? | <i>Keperluan ini (memaklumkan sebarang perubahan atau pindaan kepada maklumat terdahulu) adalah kekal sehingga kontrak tersebut dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan pihak kami.</i> |
| 25. Bagaimana pula jika saya memohon perlindungan Takaful Motor bagi kenderaan perdagangan? | <i>Sama. Anda perlu memaklumkan syarikat Takaful / Insurans sekiranya berlaku pindaan kepada maklumat terdahulu iaitu bagi tujuan perdagangan kepada tujuan lain yang boleh memberi kesan kepada perlindungan tersebut.</i> |
| 26. Adakah peruntukan yang sama digunakan bagi kenderaan persendirian dan perdagangan? | <i>Tidak, bagi kenderaan perdagangan peruntukan dibawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSA) 2013 mengenai perkara ini adalah dibawah perenggan 4 (1) daripada Jadual 9.</i> |